

Negara tegas perjuangankan keadilan: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Walaupun sebuah negara kecil, Malaysia sentiasa tegas memperjuangkan sesuatu yang difikirkan adil dan mengambil bahagian cergas dalam perbincangan mengenai masalah-masalah penting dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak harus angkuh dan sombong. Kita harus berbaik-baik dengan orang lain. Tetapi semua ini diasaskan kepada timbal-balik, iaitu jika kita menghormati mereka, mereka hendaklah menghormati kita. Inilah dasar luar kita," katanya.

Dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, beliau berkata Malaysia mengecam Russia kerana menakluki Afghanistan dan secara terbuka menyokong Mujahidin. Di Asia Barat, Malaysia terus menyokong PLO sebagai wakil tunggal orang Palestin.

Dalam perang Iran-Iraq, katanya, Malaysia bukan sahaja berkecuali tetapi berusaha mendamaikan kedua-dua negara itu kerana peperangan itu hanya menguntungkan Israel dan penyokongnya.

"Sikap kita terhadap rejim Afrika Selatan dan aparteid adalah jelas. Kita mengutuk sekeras-kerasnya aparteid dan kita menyokong majoriti kulit hitam di Afrika Selatan," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, Malaysia tidak bermusu-

suh dengan Amerika Syarikat atau negara Eropah, bahkan negara tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa, kecuali Afrika Selatan dan Israel.

Tetapi, tegasnya, sikap tidak bermusuhan itu tidak bermakna jika negara berdiam diri, kalau ada pihak yang melakukan perbuatan kejam.

"Sebab itulah kita mengecam tindakan Amerika Syarikat dan United Kingdom terhadap Libya," katanya.

Mengenai kedudukan politik dunia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia memperlihatkan manusia terbahagi kepada tiga blok yang saling bertentangan dan membara amat buruk kepada manusia.

Senjata utama

"Jika puak Barat dan puak Komunis tidak berperang secara langsung, secara tidak langsung mereka berperang dengan memeralatkan negara-negara ketiga. Membunuh, menculik dan peras ugut bukan sahaja dilakukan oleh penjenayah tetapi oleh negara-negara," katanya.

Menurutnya, dalam dunia Islam, bermacam-macam rusuhan berlaku. Culik dan peras ugut menjadi senjata utama sehingga imej Islam terjejas.

"Sementara sedikit sahaja daripada puak zionis yang dibunuh atau dicerderakan dalam peperangan 40 tahun Arab-Israel, lebih daripada satu juta orang Islam dibunuh oleh orang Islam sendiri, dengan senjata yang dibekalkan oleh pihak Timur, Barat dan

Israel," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jenayah juga berlaku dalam bidang ekonomi. Di Amerika Syarikat, lebih 100 bank bankraj manakala di Britain, kerajaannya sedang menyalah sebuah bank yang besar.

"Saham syarikat gergasi dimanipulasikan oleh pengarah-pengarahnya melalui 'dagangan dalam', broker bursa saham terbabit dengan pelbagai jenayah komersil, bahkan dengan pengedaran dadah," katanya.

Menurutnya, Kerajaan Barat tidak mahu menaikkan cukai untuk membiayai perbelanjaan mereka dan bermuafakat mencari jalan keluar dengan mendesak negara kaya yang mengekspor kepada mereka, menaikkan nilai mata wang, menyebabkan nilai Yen dan Duetsche Mark naik dan membebaskan negara miskin.

"Penipuan yang ketara ialah penekanan ke atas harga bahan mentah. Dengan menggunakan teknologi baru, mereka meningkatkan pengeluaran bahan mentah sehingga melebihi permintaannya. Pada masa yang sama, negara industri mencipta teknologi baru yang boleh mengurangkan penggunaan bahan mentah dari negara membangun," katanya.

Menurutnya, negara kaya yang menjatuhkan harga bahan mentah dengan sengaja berjaya menambah kekayaan mereka daripada kerugian negara miskin dan pada tahun lalu, AS\$70,000 juta dinikmati oleh negara kaya kerana harga bahan mentah jatuh dengan teruknya.